

Tingkat kualiti keperibadian mahasiswa/i UNISSA

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad Batubara ketika menyampaikan kuliah khasnya bertajuk 'Integrasi Ilmu dan Akhlak' (kiri). Manakala gambar kiri sekali, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali ketika berucap pada majlis berkenaan.



GADONG, Sabtu, 28 Januari - Umat Islam dianjurkan untuk menuntut ilmu berserta beramal dengannya.

Dengan itu, darjat seseorang Muslim berkenaan akan diangkat bagi mereka yang mengamalkannya.

Perkara berkenaan merupakan sebahagian pengisian yang diketengahkan oleh Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara di dalam kuliah khasnya bertajuk 'Integrasi Ilmu dan Akhlak' yang diadakan di Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Kuliah khas berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kualiti keperibadian mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, kerana pengembangan ilmu harus seiring dengan pembangunan akhlak.

Terdahulu, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menyampaikan Surat Pelantikan kepada Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara yang memperbaharui lantikan beliau sebagai Profesor Kunjungan di Fakulti Usuluddin.

Pelantikan sebagai Profesor Kunjungan berkenaan bermula sejak Januari 2020.

Sepanjang lantikannya, Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara mengendalikan dua buah kursus di bawah program Diploma Kebangsaan Da'ie dan Kepimpinan, iaitu bagi Kursus Dasar Pemikiran Islam dan Usul Ibadat.

Rektor UNISSA berharap



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermahluamat

مانيسن ايمان **MANISNYA IMAN**

"SESUNGGUHNYA bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah 12 bulan (qamariah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi antaranya empat bulan yang dihormati. Yang demikian itulah (ketetapan) agama yang lurus. Maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 36.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.36 | DUHA 7.00 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.43 | Daerah Belait ditambah 3 minit
TAHUN 68 | BILANGAN 13 | 30 JANUARI 2023 / 1444 | 8 رجب | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

sebagai Profesor Kunjungan akan dapat membantu UNISSA dalam mencapai misi dan visinya di samping membantu UNISSA menjadi universiti Islam terkemuka di rantau Asia.

Antara yang hadir pada sesi

ceramah khas berkenaan ialah para pegawai utama, pensyarah dan kira-kira 500 mahasiswa UNISSA selain para penonton yang mengikuti daripada siaran langsung melalui Facebook UNISSA.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir.